

D341

B B817 AAB  
SELATAN - SURUHANJAYA R R R  
(I)

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- PERWAKILAN PERSIDANGAN KEMUNCAK KEDUA SELATAN-SELATAN MENYAMBUK BAIK LANGKAH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENGETUAI JAWATANKUASA PENGELOLA YANG BARU DIBENTUK BAGI MENYEDIAKAN ASAS KE ARAH PEMBENTUKAN SURUHANJAYA BEBAS SELATAN MENGENAI ISU-ISU PEMBANGUNAN.

DALAM SATU PERISYTIHARAN PADA AKHIR PERSIDANGAN KEMUNCAK EMPAT HARI DI SINI, MEREKA JUGA MELAHIRKAN HARAPAN SUPAYA JAWATANKUASA PENGELOLA ITU MENGUBAH RANCANGAN BAGI SURUHANJAYA SELATAN KEPADA +SATU PROGRAM YANG AKAN DITERIMA DAN DISOKONG SECARA MELUAS DI SELATAN DAN MEMBERI TINDAK BALAS DENGAN CARA YANG PARAKTIKAL TERHADAP KEPERLUANGNYA YANG SEGERA.+

PERISYTIHARAN ITU YANG DIKENALI SEBAGAI +PERNYATAAN KUALA LUMPUR+ JUGA MENCADANGKAN BEBERAPA PERAKUAN UNTUK MENUBUHKAN SURUHANJAYA ITU YANG BERTUJUAN MENKKAJI ISU-ISU PEMBANGUNAN YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

MENGENAI KOMPOSISI SURUHANJAYA ITU, IA MENGGARISI BAHAWA KEANGGOTAAN SEHARUSNYA DIHADKAN KEPADA TIDAK LEBIH 20 TOKOH DARI DUNIA KETIGA. PARA PESURUHANJAYA AKAN BERKHIDMAT ATAS KEDUDUKAN PERIBADINYA DAN BUKAN SEBAGAI JURUCAKAP KERAJAAN/INSTITUSI.

IA JUGA DIBANTU OLEH SEBUAH SEKRETARIAT YANG DIKETUAI OLEH SEORANG PENGARAH EKSEKUTIF. -- LAGI.  
2108MST 08 05 86

D350

B B820 AAB  
SELATAN - SURUHANJAYA 2 KUALA LUMPUR R R R

SATU TEMPOR SPESIFIK PERLU DITETAPKAN BAGI TUGAS SURUHANJAYA ITU.

MENGENAI KUMPULAN PENGELOLA ITU, PERISYTIHARAN ITU MENYEBUT BAHAWA TUGASNYA AKAN TERMASUK RUNDINGAN MENGENAI KEANGGOTAAN SURUHANJAYA ITU DAN RANCANGAN TUGASNYA, DI SAMPING MENGENAL PASTI SUMBER-SUMBER KEWANGAN UNTUK SURUHANJAYA.

PERISYTIHARAN ITU MENCATATKAN BAHAWA PEMBENTUKAN SURUHANJAYA SELATAN PERLU MEMANDANGKAN PENTING DAN PERLUNYA KESEGERAAN BAGI SELATAN MENELITI SEMULA KEDUDUKANNYA DAN MENEROKAI HALUAN UNTUK MASA DEPAN.

OBJEKTIF UTAMA SURUHANJAYA ITU IALAH MENILAI KEADAAN SEMASA DI SELATAN, MENGENAL PASTI PILIHANNYA, MEMPERAKUKAN LANGKAH KONKRIT MENGENAI KERJASAMA SELATAN-SELATAN PADA MASA DEPAN YANG TERMASUK KERJASAMA EKONOMI SELATAN-SELATAN DAN UTARA-SELATAN.

IA JUGA AKAN MEMPERTIMBANGKAN LANGKAH-LANGKAH PERTUBUHAN UNTUK MENGUKUHKAN KERJASAMA, TERMASUK MENUBUHKAN SEKRETARIAT SELATAN DAN MEMBANTU MENGGERAKKAN KESEDARAN AWAM DI NEGARA-NEGARA SELATAN MENGENAI KEDUDUKAN DAN CABARAN YANG MENGHALANGI MEREKA. -- BERNAMA.  
2121MST 08 05 86